

PERKEMBANGAN SISTEM TAKAFUL DI MALAYSIA:
KEPRIHATINAN DI KALANGAN SISWAZAH

Tesis yang dikemukakan kepada Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia adalah
merupakan sebagai sebahagian daripada syarat pengijazahan
Program Sarjana Sains (Pengurusan)

Oleh

Mohd. Isa bin Mohd.Deni

2009



KOLEJ PERNIAGAAN
(College of Business)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certified that)

MOHD.ISA BIN MOHD.DENI

Calon untuk Ijazah Sarjana
(Candidate for the degree of) **MASTER OF SCIENCE (MANAGEMENT)**
telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

PERKEMBANGAN SISTEM TAKAFUL DI MALAYSIA:
KEPRIHATINAN DI KALANGAN SISWAZAH

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas project
(as it appears on the title page and front cover of the project paper)

Bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in the form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia : **DR. AZIZI ABU BAKAR**
(Name of Supervisor)

Tandatangan : _____
(Signature)

Tarikh : **30 OGOS 2009**
(Date)

KEBENARAN MERUJUK TESIS

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengurniaan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Sekolah Siswazah terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan ke atas tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Akademik

Kolej Perniagaan

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Takaful atau insurans Islam merupakan sebahagian daripada industri kewangan Islam yang pesat berkembang. Walaubagaimanapun sambutan terhadapnya yang agak perlahan di kalangan masyarakat sering menimbulkan persoalan sedangkan pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak industri dan kerajaan untuk membangunkan sistem ini. Kajian ini menyelidiki faktor yang menyebabkan masyarakat tidak menyertai takaful atau sebaliknya. Kajian juga turut dilakukan untuk mengkaji sejauh manakah kefahaman responden terhadap takaful, bagaimanakah persepsi mereka, serta apakah wujud perkaitan antara kefahaman dan persepsi seseorang dengan penyertaannya terhadap takaful. Sejarah kemunculan takaful serta konsep asasnya, prinsip-prinsip yang digunakan dan perbezaan takaful dengan insurans konvensional turut dibincangkan. Untuk itu penyelidik telah menjalankan kajian terhadap sekumpulan pelajar ijazah tinggi sebuah universiti tempatan berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan. Data yang telah diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif, peratusan, frekuensi, min, sisihan piawai, dan khi kuasa dua. Dapatan kajian menunjukkan, faktor utama responden tidak menyertai perlindungan itu ialah kerana tidak mendapat maklumat yang jelas mengenainya. Kajian ini mendapati bahawa kefahaman dan persepsi yang baik adalah signifikan dengan penyertaan takaful, tetapi ia bukanlah suatu hubungan yang kuat, ini kerana didapati sebahagian besar peserta takaful juga masih tidak mempunyai kefahaman dan persepsi yang baik tentang takaful.

ABSTRACT

Takaful or Islamic insurance is part of well-growth Islamic finance industry today. Many efforts have been done by the government and the industry player, however the small participation from the society is always doubted. This research try to find what are the factors that people do not join takaful. The author also want to find how far the respondent understand about takaful and what are their perceptions about it, furthermore both aspects influenced their participation. square This research also discussed about the takaful history, its basic concepts, principles which applied and the differences with conventional insurance. To get the objectives, the author has selected a group of postgraduate students of a local university and distributed questionnaires. To analyze the collected data, author used descriptive analysis, percentages, frequencies, mean, standard deviation and khi The results revealed that the prime factor of respondent do not join takaful because they do not have clear information about it. Respondent's understanding and their perception are significant with the participation in takaful but not so strong because majority of those who joined takaful probably not understand well and lead negative perception about it.

**PERKEMBANGAN SISTEM TAKAFUL DI MALAYSIA:
KEPRIHATINAN DI KALANGAN SISWAZAH.**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kebenaran Merujuk Tesis	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vi
Senarai Jadual	viii
Senarai Carta	ix
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	1
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Kepentingan Kajian	3
1.5 Signifikan Kajian	3
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Rumusan	5
BAB 2: SOROTAN KARYA	6
2.1 Pendahuluan	6
2.2 Sejarah dan Kedudukan Takaful di Sisi Islam	6
2.3 Konsep Asas Takaful	10
2.4 Prinsip-prinsip Syariah Yang Digunakan Dalam Industri Takaful	11
2.5 Perbezaan Antara Takaful dan Insurans Konvensional	21
2.6 Perkembangan Industri Takaful di Malaysia	33
2.7 Kerangka Teori	39
2.8 Hipotesis	40
2.9 Rumusan	40
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	41
3.1 Pendahuluan	41
3.2 Kerangka Kajian	41
3.3 Persampelan Kajian	42
3.4 Intrumen Kajian	42
3.5 Unit Analisis	41
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	43
3.7 Analisis Data	44
3.8 Rumusan	45

BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	46
4.1 Pendahuluan	46
4.2 Ujian Kebolehpercayaan	47
4.3 Profil Responden	48
4.4 Gelagat Peserta Takaful	53
4.5 Gelagat Responden Yang Tiada Takaful	55
4.6 Kefahaman Terhadap Sistem dan Konsep Takaful	56
4.7 Persepsi Terhadap Takaful	57
4.8 Hubungan Antara Pemilikan Takaful dan Kefahaman	59
4.9 Hubungan Antara Pemilikan Takaful dan Persepsi	59
4.10 Rumusan	60
BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN	61
5.1 Pendahuluan	61
5.2 Rumusan Kajian	61
5.3 Cadangan	64
5.4 Penutup	65
BIBLIOGRAFI	67
LAMPIRAN A: Data Kajian	
LAMPIRAN B: Borang Kajiselidik	

SENARAI JADUAL

4.1 Ujian Kebolehpercayaan Soalan	47
4.2 Kefahaman Responden	57

SENARAI CARTA

4.1 Jantina Responden	48
4.2 Program Pengajian Responden	48
4.3 Kerjaya Responden	49
4.4 Umur Responden	50
4.5 Status Perkahwinan	51
4.6 Jumlah Pendapatan	52
4.7 Pemilikan Takaful	53

BAB PERTAMA:

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menghuraikan secara umum apakah relevannya kajian ini dilakukan dan rangka keseluruhan kajian. Beberapa perkara dibincangkan agar mudah pembaca memahami situasi industri kewangan Islam di Malaysia khususnya industri takaful.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Penembusan pasaran insurans dan takaful dalam kalangan masyarakat negara ini masih di tahap yang amat rendah apatah lagi di kalangan bumiputera. Apa yang jelas ialah kebanyakan mereka masih tidak menyedari bahawa perlindungan takaful merupakan salah satu instrumen yang penting dalam pengurusan risiko. Jika keadaan ini berterusan hasrat kerajaan untuk melihat sekurang-kurangnya 20% industri kewangan di negara ini di kuasai oleh kewangan Islam tidak akan kesampaian. Sehingga April 2009 hanya 7% sahaja pasaran takaful telah ditembusi (Bernama, 27 April 2009).

Dari aspek masyarakat bumiputera, keadaan ekonomi moden yang semakin mencabar ini amat perlu diberi perhatian yang serius. Corak pemikiran yang terlalu bergantung terhadap kerajaan, terutamanya ketika menghadapi sesuatu musibah sepatutnya tidak berlaku kerana risiko kesempitan kewangan boleh diatasi jika aspek pengurusan risiko telah dilaksanakan awal-awal lagi.

Kita sedia maklum lebih 20 tahun dahulu antara sebab masyarakat Islam tidak berminat untuk menyertai sistem insurans ialah kerana isu halal dan haram yang melingkarinya. Namun begitu agak menarik untuk dikaji mengapa selepas tempoh yang panjang ini dan kewujudan beberapa syarikat pengendali takaful, penyertaan mereka masih tidak memuaskan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengkaji apakah hukum takaful berbanding insurans dan mendapat gambaran sebenar hujah yang digunakan oleh para sarjana Islam.
2. Untuk mengkaji tahap kefahaman dan persepsi responden terhadap konsep dan sistem takaful.
3. Untuk mengkaji adakah wujud kaitan yang signifikan antara kefahaman dan persepsi dengan penyertaan siswazah terhadap takaful.
4. Untuk mengkaji apakah faktor pemilihan seseorang terhadap takaful dan apakah faktor mereka tidak memilih takaful.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat menerangkan keadaan sebenar situasi industri takaful di Malaysia terutamanya di peringkat masyarakat awam. Ini juga diharap dapat membantu pihak kerajaan mahupun pengendali untuk menyediakan suatu tindakan yang bersesuaian bagi meningkatkan penyertaan masyarakat dalam industri ini sesuai dengan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau. Ia diharap juga dapat membantu mereka yang terlibat dalam industri ini untuk menilai kembali tahap keberkesanan strategi pemasaran terhadap orang ramai. Kajian ini juga dapat menilai sejauh manakah kefahaman dan persepsi masyarakat terhadap takaful sekaligus merupakan gambaran keberkesanan usaha pihak kerajaan serta pengendali takaful dalam menerangkan kepentingan takaful kepada mereka.

1.5 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian mengenai sambutan masyarakat terhadap produk takaful telah dilakukan oleh beberapa pengkaji sebelum ini. Namun begitu penulis memilih untuk menjadikan golongan siswazah sebagai skop kajian memandangkan golongan ini merupakan golongan yang terpelajar dan terdedah dengan pelbagai maklumat terkini terutama yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan. Sebagai golongan elit dan dihormati oleh masyarakat, penyelidikan beranggapan sebarang tindakan mereka mempunyai impak yang signifikan terhadap orang awam lain. Justeru golongan ini sepatutnya diberikan perhatian

oleh pihak yang terlibat dalam industri takaful untuk meningkatkan lagi kefahaman dan penyertaan masyarakat terhadap takaful.

Lokasi Kuala Lumpur dipilih memandangkan penduduk di kawasan ini amat terdedah dengan perkembangan sistem ekonomi dan kewangan semasa. Sebagai ibu negara, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya menjadi tempat tumpuan syarikat kewangan dan takaful beroperasi, justeru maklumat mengenainya adalah yang terkini.

Kajian ini dilakukan memandangkan perkembangan industri kewangan Islam amat pesat, oleh itu beberapa kajian oleh penulis-penulis lain yang dilakukan pada tiga atau empat tahun sebelum ini perlu diberi nafas baru. Perkembangan terbaru menunjukkan terdapat 8 syarikat pengendali takaful berbanding 3 sahaja pada tahun 2003. Pada 2003 juga hanya terdapat 11 433 orang wakil yang berdaftar sedangkan pada 2007 terdapat 43 843 orang wakil takaful (Takaful Statistics, 2007).

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian mengenai keprihatinan masyarakat terhadap sistem takaful ini akan difokuskan kepada golongan siswazah sahaja. Siswazah di sini dikhususkan kepada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian ijazah tinggi sama ada peringkat sarjana atau kedoktoran.

Penyelidik akan menjadikan pelajar siswazah peringkat ijazah tinggi di Universiti Utara Malaysia, kampus Kuala Lumpur (UUM KL) sebagai sampel. Sampel ini dianggap

menarik kerana kebanyakan pelajar sarjana di UUM KL adalah mereka yang telah berkerjaya, berkeluarga dan berpengalaman dalam pelbagai bidang sama ada sektor kerajaan mahupun korporat.

1.7 RUMUSAN

Kajian ini diharap dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan terkini mengenai keprihatinan masyarakat terhadap industri takaful. Hal ini adalah penting supaya usaha yang dilakukan sama ada oleh pihak kerajaan atau swasta dalam menyedarkan masyarakat akan kepentingan perancangan kewangan Islam dapat dinilai dengan lebih telus.

BAB KEDUA:

ULASAN KARYA

2.1 PENDAHULUAN

Sebelum membincangkan lebih lanjut mengenai tahap keprihatinan siswazah terhadap industri takaful adalah lebih baik untuk difahami terlebih dahulu apakah yang dimaksudkan dengan takaful, perbezaannya dengan insurans konvensional dan kedudukan takaful itu sendiri di sisi Islam. Setelah itu baru dapat difahami dengan jelas mengapakah isu sambutan masyarakat terhadap takaful amat penting untuk dikaji.

2.2 SEJARAH DAN KEDUDUKAN TAKAFUL DI SISI ISLAM

Syariat Islam merupakan satu sistem perundangan yang diturunkan oleh Allah Taala kepada manusia dalam bentuk yang syumul dan sempurna. Pelaksanaannya dalam kehidupan manusia bukan untuk menyulitkan kehidupan mereka bahkan ia akan menjadikan kehidupan lebih tenteram, aman dan sistematik. Penafian untuk melaksanakannya hanya akan mengundang kesulitan dan bencana dalam kehidupan. Keluhuran falsafah ini boleh dilihat daripada lima prinsip *maqasid syariah* yang telah digariskan oleh ulama iaitu untuk menjaga kemaslahatan agama, nyawa, akal, maruah dan harta (Mohd Daud Bakar, 1999).

Perkembangan dunia sekarang cukup mencabar daripada pelbagai aspek, justeru perundangan Islam mesti dilihat mampu berhadapan dengan pelbagai isu supaya sifatnya yang merupakan rahmat bagi sekalian alam dapat direalisasikan. Ini amat selari dengan firman Allah Taala yang bermaksud:

"Rasul-rasul (yang telah Kami utuskan semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang kafir dan yang mengerjakan maksiat) supaya tidak ada lagi bagi manusia sesuatu hujah atau alasan untuk berdalil pada hari kiamat kelak."

(Terjemahan al-Nisa':165)

FirmanNya lagi yang bermaksud

"Dan tidaklah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhamad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

(Terjemahan al-Anbiya': 107)

Dalam bidang muamalat contohnya syariat Islam mesti memberikan jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang melingkari umat. Isu riba dalam sistem kewangan dan perbankan contohnya perlu ditangani dengan baik dan bijaksana bukan sekadar menyatakan pengharaman sesuatu tetapi sebaik-baiknya memberikan alternatif serta jalan keluar kepada kemelut yang berlaku. Hal ini perlu diberi perhatian kerana sebenarnya undang-undang muamalat Islam mampu dan tetap dinamik lagi mampan untuk menghadapi cabaran tuntutan perbankan dan sistem kewangan moden. Kegagalan dalam memahami keunikan sifat syariat ini hanya akan menyebabkan Islam dilihat sebagai agama yang

terlalu rigid, jumud dan tidak mampu berdepan dengan cabaran perubahan cara hidup manusia. Menurut Daud Bakar (1998) prinsip-prinsip yang terdapat dalam undang-undang muamalat Islam boleh mengembangkan industri perbankan Islam ke tahap yang tidak terjangkau oleh pemikiran kerana prinsip-prinsip yang sama inilah yang telah membina tamadun umat Islam sejak 13 kurun yang lalu.

Takaful merupakan salah satu cabang daripada bidang muamalat Islam. Kewujudannya adalah untuk memenuhi salah satu aspek *dharuriyat al-khamsah* atau kepentingan yang lima iaitu untuk menjaga kemaslahatan harta manusia. Kebiasaannya pada hari ini apabila sesuatu musibah menimpa seseorang, individu yang menghadapinya akan menanggung risiko kewangan yang tinggi, ini kerana wang menjadi asas kehidupan yang tidak kurang pentingnya.

Sebenarnya konsep takaful itu bukanlah perkara baru malah telah diamalkan oleh masyarakat Arab sejak zaman *Jahiliyyah* lagi. Antara amalan yang amat mirip dengan sistem takaful ialah sistem *al-'Aqilah* yang diwujudkan di kalangan saudara mara orang yang di dakwa membunuh untuk membantunya membayar gantirugi (Mohd.Ma'sum Billah, 2003). Dalam doktrin ini kaum keluarga kepada tertuduh tadi secara sepakat bersetuju untuk menyumbangkan bantuan kewangan bagi tujuan melindunginya daripada bebanan kewangan akibat pembunuhan yang dilakukan. Selain itu amalan *al-Qasamah* juga diwujudkan bagi membantu keluarga mangsa pembunuhan apabila tidak diketahui siapa pembunuhnya atau keterangan saksi yang layak untuk mengenal pasti pembunuhnya tidak diperolehi. Satu lagi konsep yang amat berkait rapat dengan takaful

ialah akad *muwalah* yang merupakan bentuk perjanjian jaminan iaitu penjamin akan membayar seseorang yang tidak berwaris. Penjamin akan bersetuju untuk membayar *diyat* iaitu denda atau tebusan jika orang yang dijamin itu melakukan jenayah. Di kalangan masyarakat Melayu sendiri amalan itu telah dilaksanakan secara tersusun melalui skim khairat kematian yang dilaksanakan di sesetengah kawasan perumahan atau kampung. Biasanya skim ini dianjurkan oleh organisasi masjid di sesebuah kariah (Mohd.Fadzli Yusof,1996).

Takaful ialah sistem insurans secara Islam dalam bentuk moden yang dilaksanakan selaras dengan kehendak-kehendak syarak. Seksyen 2, Akta Takaful 1984 mentakrifkan takaful sebagai suatu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta yang memerlukan di mana peserta-peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu (Akta Takaful,1984). Setiap peserta akan menyumbangkan sejumlah wang (*tabarru'*) ke dalam tabungan yang akan dikendalikan oleh syarikat takaful (Ab Mumin, 1999).

Definisi lain pula, takaful adalah satu kontrak di mana seorang bersetuju untuk memberi sejumlah wang ke dalam satu tabung yang diuruskan oleh satu syarikat dengan tujuan apabila berlaku sesuatu kemalangan atau kerugian yang mungkin berlaku kepada pemberi wang tersebut, ia akan dibayar ganti dari tabung tersebut dengan persetujuan penyumbang lain dan dia juga bersetuju untuk menyumbangkan sebahagian dari pemberiannya itu kepada penyumbang lain apabila sesuatu kemalangan atau kerugian

menimpa mereka. Bersesuaian dengan konsep *ta'min ijtima'i*, wang simpanan tabung tersebut yang berpunca daripada pemberian penyumbang-penyumbang akan digunakan oleh syarikat pengurusan tersebut bagi tujuan mencari keuntungan melalui perniagaan dan pelaburan (Ahmad Hidayat Buang,1996).

2.3 KONSEP ASAS TAKAFUL

Konsep takaful menggambarkan satu rancangan insurans berasaskan kepada hubungan persaudaraan Islam, rasa saling bertanggungjawab dan saling bekerjasama di kalangan peserta. Tambahan pula konsep ini boleh membezakan insurans yang sesuai dengan Islam berbanding insurans konvensional. Falsafah takaful menekankan kepada keikhlasan dan di bawah konsep ini para peserta memberi sumbangan kewangan berdasarkan kepada konsep *tabarru'* yang mana para peserta bersetuju agar sumbangan yang diberikan digunakan untuk membantu para peserta dalam pelan takaful yang berkenaan. Dengan kata lain konsep takaful bertujuan untuk mewujudkan perhubungan yang erat secara Islam antara peserta yang bersetuju menanggung bersama mereka kerugian yang disebabkan oleh risiko bersama seperti kematian dan sebagainya yang menimpa di kalangan mereka. Dengan ini semangat takaful menekankan kepada kepentingan persaudaraan antara peserta. Sifat mengutamakan diri sendiri tidak sepatutnya wujud di kalangan peserta takaful (Azman Ismail & Kamaruzaman Abdullah, 2000) .

2.4 PRINSIP-PRINSIP SYARIAH UTAMA YANG DIGUNAKAN DALAM TAKAFUL

Beberapa konsep syariah dijadikan prinsip asas dalam sistem takaful demi memastikan ia benar-benar menepati syariat dan berbeza dengan insurans konvensional. Antara prinsip-prinsip asas tersebut ialah:

2.4.1 *Al-Takaful*

Perkataan *al-Takaful* dalam bahasa Arab bermaksud saling jamin-menjamin atau saling pelihara memelihara (Ibnu Manzur, 1994). Konsep ini mengandungi prinsip kerjasama, saling tolong menolong dan tanggungjawab bersama yang menjadi asas kepada sistem insurans Islam. Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang menggesa agar manusia mengamalkan sifat di atas, antaranya ialah firman Allah yang bermaksud:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan."

(Terjemahan al-Mai'dah : 2)

"Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifatdemikian ialah orang-orang yang berjaya."

(Terjemahan Ali Imran : 104)

Banyak hadis Rasulullah SAW. juga yang menyebutkan tentang kepentingan bekerjasama, saling tolong menolong dan tanggungjawab bersama, antaranya Rasulullah SAW. bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang memberikan pertolongan kepada seseorang Muslim yang mengalami sesuatu dari kesusahan-kesusahan dunia nescaya Allah akan melegakan kesusahan yang menyesakannya dan kesusahan-kesusahan hari kiamat. Dan sesiapa yang menolong memudahkan kesempitan hidup dan susah payah seseorang di dunia, nescaya Allah akan memudahkan susahpayahnya di dunia dan akhirat."

(Riwayat Muslim, Abu Daud dan Tirmizi)

"Seseorang tidak boleh dianggap beriman sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri."

(Riwayat al-Bukhari)

"Seorang mukmin dengan mukmin yang lain (dalam sesebuah masyarakat) seperti sebuah bangunan yang mana setiap bahagian dalam bangunan itu mengukuhkan bahagian-bahagian yang lain."

(Riwayat Muslim)

Dalam amalan syarikat takaful, ia adalah satu cara atau kaedah kumpulan ahli atau peserta-peserta takaful bersetuju untuk saling menjamin sesama mereka daripada sebarang bencana atau musibah dengan tujuan melindungi sesama mereka. Sehubungan dengan itu, para peserta dalam kumpulan itu juga bersetuju untuk membantu mana-mana peserta yang ditimpa bencana. Peserta yang malang itu akan mendapat

manfaat kewangan untuk membantu meringankan beban kewangannya akibat ditimpa bencana seperti kebakaran, kemalangan dan sebagainya.

2.4.2 *Al-Tabarru'*

Ini merupakan satu konsep penting yang menjadi asas kontrak takaful. Secara umumnya ia bermaksud menderma, membuat kebajikan atau mengurniakan dengan reda sendiri untuk tujuan berbakti dan membantu. Konsep ini adalah selari dengan konsep *al-Takaful*, oleh itu konsep perniagaan yang dibina daripada konsep ini menggambarkan satu rancangan perlindungan bersama berasaskan perpaduan, rasa tanggungjawab dan perhubungan persaudaraan antara para peserta.

Dalam hal ini para peserta takaful yang telah memeterai perjanjian bersetuju untuk memberikan bahagian tertentu daripada sumbangan atau carumannya bagi memenuhi tanggungjawab dalam konsep takaful untuk menyediakan bantuan dan sama-sama menanggung sesama mereka kepada mana-mana peserta yang ditimpa musibah sebagai balasan kepada penyertaan dalam khidmat takaful yang dibuat secara *tabarru'* (Mohd.Fadzli Yusof,1996)

Konsep *tabarru'* adalah satu perkara yang amat digalakan dalam Islam sehingga ganjaran terhadap orang yang melaksanakan *tabarru'* ini digambarkan dengan ganjaran yang berlipat kali ganda. Firman Allah Taala yang bermaksud:

"Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya lagi meliputi ilmu pengetahuanNya".

(Terjemahan al-Baqarah : 261)

Walaupun perkataan *tabarru'* mempunyai pengertian yang luas termasuk mendermakan harta atau wang kepada sesiapa yang ditimpa kesusahan, tetapi dalam konteks perniagaan takaful ia memberi maksud akad yang khusus. Wang *ditabarru'*kan oleh setiap peserta hanya digunakan untuk membantu mana-mana peserta yang ditimpa musibah atau untuk manfaat peserta takaful sahaja. Dalam hal ini akad takaful menetapkan bila dan keadaan syarikat atau pengendali perniagaan takaful sebagai pemegang amanah boleh menggunakan hak dan kuasa yang diberikan oleh para peserta untuk menggunakan wang yang *ditabarru'*kan itu (Mohd.Fadzli Yusof, 1996).

2.4.3 Al- Mudharabah

Konsep *al-Mudharabah* kadangkala juga dikenali sebagai *al-Qiradh* adalah salah satu konsep yang biasa digunakan dalam amalan takaful. Menurut istilah sarjana fiqh perkongsian seperti ini berlaku apabila pemilik menyerahkan hartanya kepada seseorang untuk diusahakan dan diniagakan. Keuntungan pula jika ada akan dikongsi bersama. Atas dasar ini, amalan ini juga dinamakan sebagai *al-Syarikah* kerana mereka berkongsi keuntungan (Mustafa al-Khin et.al, 2005). *Al-Mudharabah* juga boleh dikatakan sebagai suatu bentuk perkongsian untung dalam perniagaan. Pihak yang mempunyai modal tetapi

tidak mempunyai kemahiran, keupayaan dan pengalaman boleh menyediakan modal tersebut kepada pihak yang mempunyai kualiti di atas untuk melaburkan modal tersebut dalam bidang pelaburan yang menguntungkan (Joni Tamkin Borhan, 2005). Antara dalil yang menunjukkan pensyariatian *al-Mudharabah* ialah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Abbas r.a daripada bapanya al-Abbas bin Abdul Muttalib r.a yang bermaksud:

"Apabila dia menyerahkan harta untuk pelaburan, dia akan meletakkan syarat kepada sahabatnya iaitu dia tidak boleh membawa barangan ini melalui laut atau melalui lembah dan tidak menggunakan harta ini untuk membeli haiwan yang mempunyai 'hati yang lembap' (masih hidup). Jika dia melakukannya juga, dia perlu menggantikannya. Syarat ini telah disampaikan kepada Rasulullah SAW dan beliau membenarkannya."

(Riwayat al-Baihaqi)

Dalam hadis yang lain Rasulullah SAW. bersabda yang bermaksud:

"Ada tiga perkara yang diberkati iaitu jual beli secara hutang, *muqaradhah* dan mencampurkan barli dan gandum untuk kegunaan rumah bukan untuk dijual."

(Riwayat Ibn Majah)

Ulama bersepakat bahawa keharusan konsep *al-Mudharabah* ini adalah berdasarkan dalil-dalil al-Quran, al-Sunnah, *ijma'* dan *qias*. Jumhur ulama berpendapat rukun-rukun *al-Mudharabah* itu ada tiga iaitu orang yang berakad yang terdiri daripada pemodal atau

pelabur dan pengusaha. Kedua, perkara yang diakadkan iaitu modal, usaha dan keuntungan. Rukun yang ketiga pula ialah *sighah* ataupun kontrak meliputi *ijab* dan *qabul* (al-Zuhayli, 1996).

2.4.3.1 Syarat-syarat *Al-Mudharabah*

Dari aspek modal, disyaratkan ia mestilah dalam bentuk wang dinar, dirham ataupun matawang yang digunakan pada hari ini. Modal tidak boleh dalam bentuk barangan kerana ia membabitkan risiko yang besar. Jika barangan, keuntungan dan modal tidak dapat dipastikan kerana sesuatu barangan mempunyai nilai yang berbeza ketika diterima, dijual dan dipulangkan. Kedua, modal juga disyaratkan mestilah diketahui jumlahnya oleh pemodal dan pengusaha. Ini kerana keuntungan tidak mungkin diketahui jika jumlah modal juga tidak diketahui. Ketiga, modal mestilah dalam bentuk wang tunai, bukan hutang, jika tidak ia dianggap tidak sah. Syarat ini adalah disepakati oleh ulama keseluruhannya. Terakhir, modal juga mestilah sampai kepada pengusaha, ini kerana ia adalah amanah daripada pemodal. Kontrak *al-Mudharabah* ini tidak sah jika modal masih lagi di tangan tuannya.

Dari aspek keuntungan, ia mestilah diketahui oleh kedua-dua pihak jumlahnya yang sebenar. Ini kerana perkongsian dalam bentuk ini bermatlamatkan keuntungan. Jika jumlah keuntungan tidak dimaklumkan sama ada kepada pemodal atau sebaliknya maka ia dianggap kontrak yang tidak sah. Keuntungan juga disyaratkan mestilah ditetapkan

pada kadar atau peratusan tertentu. Contohnya untuk pemodal 60 peratus dan untuk pengusaha 40 peratus.

Dalam kontrak *al-Mudharabah* pengusaha dianggap orang yang memegang amanah sahaja, ini bermakna segala kerugian yang berlaku akan ditanggung oleh pemodal sahaja. Pengusaha tidak dipertanggungjawabkan kerana perkara ini sama hukumnya dengan modal yang musnah. Pengusaha hanya akan dipertanggungjawabkan jika ia disebabkan perbuatannya yang disengajakan atau kecuaiannya (Mustafa al-Khin et al., 2005).

2.4.3.2 Jenis-jenis *Al-Mudharabah*

Konsep *al-Mudharabah* terbahagi kepada dua jenis iaitu *mudharabah mutlaqah* dan *mudharabah muqayyadah*. *Mudharabah mutlaqah* bermaksud *mudharabah* yang tidak terikat dengan sebarang syarat. Contohnya seorang yang mempunyai modal menyerahkan hartanya kepada seorang pengusaha tanpa mengenakan apa-apa syarat untuk dia memperniagakannya. Oleh itu dia bebas untuk menggunakan cara yang sesuai untuk menjalankan perniagaan tersebut.

Jenis *mudharabah* yang kedua ialah *mudharabah muqayyadah* iaitu *mudharabah* yang terhad atau terikat. Ini berlaku apabila pemodal mengenakan syarat tertentu kepada pengusaha untuk menjalankan perniagaannya. Sebagai contoh pemodal mensyaratkan agar perniagaan tersebut dilakukan pada masa tertentu dan tempat tertentu sahaja ataupun dijual kepada individu tertentu sahaja (al-Zuhayli, 1996).

Dalam amalan takaful, selain sesama peserta saling jamin menjamin bagi menyediakan kemudahan perlindungan sesama sendiri antara para peserta dengan syarikat pengendali takaful, pada waktu yang sama mereka juga berhak mendapat pulangan keuntungan yang dikongsi dengan syarikat jika pelaburan yang dijalankan oleh syarikat itu menguntungkan (Mohd.Rizal Mokhtar,1999). Ini pun jika kontrak yang dilaksanakan dengan syarikat tersebut adalah berdasarkan kontrak *al-Mudharabah*. Walaupun demikian konsep ini tidaklah menjadi kewajipan untuk dilaksanakan dalam amalan takaful walaupun ia agak popular, kerana bukan semua syarikat pengendali takaful menggunakan konsep ini. Ini perlu difahami dengan sebaiknya kerana ramai penulis menganggap insurans Islam atau takaful berasaskan akad *al-Mudharabah* (Nik Ramlah Nik Mahmood,1991). Menurut Hidayat Buang (1996) walaupun ada unsur *al-Mudharabah* dalam sesetengah akad takaful tetapi ia bukanlah unsur asas dalam pelaksanaan sistem tersebut, bahkan merupakan satu akad insurans Islam yang unik.

2.4.4 *Al- Wakalah*

Al-Wakalah bermaksud mewakilkan seseorang untuk menyerahkan apa yang dilakukannya dan boleh dilakukan oleh orang lain dalam hidupnya. Unsur hidup dikaitkan kerana untuk membezakannya dengan wasiat (al-Khatib, 1958). Ulama menyatakan keabsahan akad *al-Wakalah* ini terdapat dalam surah al-Kahfi (18:19) dan surah al-Nisa' (4:39) yang bermaksud:

"...sekarang utuskanlah salah seorang daripada kamu membawa wang perak kami ini ke bandar.."
(Terjemahan al-Kahfi:19)

"..maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka itu) seorang daripada keluarga lelaki dan seorang daripada keluarga perempuan..."
(Terjemahan al-Nisa': 39)

Penggunaan akad *al-Wakalah* merupakan satu akad antara dua pihak (pewakil dan wakil) yang memberi kuasa kepada wakil untuk melaksanakan sesuatu urusan yang diperakui oleh undang-undang bagi pihak pewakil. Dalam amalan takaful sekarang, peserta bersetuju melantik syarikat sebagai wakil mereka untuk menguruskan dan melaburkan dana. Melalui prinsip ini juga para peserta memberi kebenaran mutlak kepada syarikat mengenakan apa-apa yuran yang berkaitan dengan pentadbiran termasuklah melantik wakil bagi pihak mereka (Takaful Ikhlas, 2009). Ini juga bermaksud syarikat takaful bebas untuk menguruskan perlindungan kewangan mereka mengikut sistem mereka sendiri di samping melaburkannya pada tempat-tempat yang difikirkan sesuai. Hakikatnya, takaful merupakan sistem yang amat bergantung kepada kepercayaan peserta untuk mewakilkan urusan kewangannya kepada syarikat pengendali yang dipilih.

2.4.4.1 Rukun dan Syarat-syarat *Al-Wakalah*

Konsep *al-Wakalah* ini melibatkan tiga rukun iaitu pewakil atau orang yang mewakilkan (*muwakkil*), wakil, dan perkara yang diwakilkan (al-Zuhayli, 1996). Pewakil ialah pihak yang meminta bantuan orang lain untuk melakukan beberapa urusan bagi pihaknya.

Pewakil mestilah orang yang berhak menguruskan perkara atau harta yang diserahkan kepada orang lain itu dari segi syarak. Jika pewakil merupakan orang yang tidak dibenarkan menguruskan perkara itu maka wakilnya lebih utama tidak dibenarkan. Contoh orang yang tidak dibenarkan menguruskan ialah orang yang bukan pemilik harta tersebut ataupun seorang yang memiliki harta tetapi masih kanak-kanak, *safih* (bodoh) atau seorang gila (Mustafa al-Khin et al., 2005).

Rukun kedua ialah wakil iaitu orang yang diberi kebenaran untuk melakukan urusan bagi pihak pewakil. Wakil mestilah orang yang dibenarkan untuk menjalankan urusan yang diserahkan kepadanya jika diandaikan urusan tersebut adalah urusannya sendiri. Sepertimana pewakil, orang yang terhalang daripada melakukan urusannya sendiri seperti kanak-kanak, orang gila dan *safih* tidak dibenarkan menjadi wakil. Walaupun begitu terdapat beberapa perincian terhadap golongan ini. Kanak-kanak yang *mumayyiz* contohnya dibenarkan menjadi wakil dalam urusan tertentu seperti meminta izin untuk masuk ke rumah atau menyampaikan hadiah dan menjemput orang untuk menghadiri kenduri. Wakil disyaratkan mestilah orang yang ditentukan secara khusus. Tidak sah jika seseorang itu mewakilkan urusannya tanpa diketahui siapakah wakil tersebut secara khusus. Selain itu wakil juga mestilah orang yang adil jika dilantik sebagai hakim atau wali bagi urusan jual beli orang di bawah jagaannya (Mustafa al-Khin et al., 2005).

Rukun *al-Wakalah* yang ketiga ialah perkara yang diwakilkan. Perkara tersebut disyaratkan mestilah sesuatu yang diketahui oleh wakil. Tidak sah jika wakil tidak mengetahui apa yang diwakilkannya, ini kerana seseorang itu tidak akan dibebankan

dengan apa yang tidak diketahuinya. Perkara yang diwakilkan juga mestilah sesuatu yang dibenarkan oleh syarak untuk melakukannya. Mewakikan seseorang untuk melakukan perkara yang haram adalah tidak sah. Perkara tersebut juga mestilah sesuatu yang dibenarkan untuk diwakilkan contohnya urusan jual beli, sewaan dan sedekah. Perkara yang tidak dibenarkan untuk diwakilkan contohnya sumpah, ibadat yang bersifat individu seperti solat dan puasa adalah tidak sah untuk diwakilkan.

2.5 PERBEZAAN ANTARA TAKAFUL DAN INSURANS KONVENSIONAL

2.5.1 Perbezaan Dari Sudut Hukum Syariah

Insurans merupakan satu kontrak baru di sisi Islam kerana kurang dibahaskan oleh sarjana Islam mengenainya dalam kita fiqh klasik. Paling awal direkodkan perbahasan mengenainya ialah yang dicatatkan oleh Ibn. Abidin, seorang sarjana bermazhab Hanafi pada awal abad ke 19 (Mohd.Fauzi Abu dan Kamaruzaman Noordin, 2005). Para sarjana Islam tradisional tidak membincangkan kerana berpegang kepada kata-kata Imam Malik yang mengeluarkan pendapatnya apabila ditanya tentang sesuatu masalah dengan berkata: “Biarkan ia sehingga berlaku. Sesungguhnya kita tidak tahu bagaimana ia akan berlaku.”(al-Dusuki, 1967).

Sarjana Islam berselisih pendapat berkenaan dengan hukum insurans ini. Perbezaan ini dapat dibahagikan kepada tiga golongan utama (Ab.Mumin, 1999) iaitu:

- a. Golongan yang mengharuskan kontrak insurans kerana mereka berpendapat ia adalah kontrak baru yang tidak terdapat pada zaman kegemilangan fiqh dahulu serta ia tidak bercanggah dengan syariat Islam.
- b. Golongan yang berada di tengah-tengah dan tidak ekstrem dengan mengatakan skim insurans adalah harus dan sesetengah skimnya adalah haram. Walaubagaimanapun ia lebih cenderung kepada yang haram.
- c. Golongan ketiga pula berpendapat bahawa kontrak insurans adalah haram sama sekali. Pendapat ini merupakan pendapat majoriti ulama fiqh.

Golongan pertama iaitu golongan yang berpendapat bahawa kontrak insurans adalah diharuskan telah mengemukakan beberapa hujah. Hujah pertama mereka insurans bukanlah satu perjudian atau pertaruhan, bahkan ia mengamalkan konsep saling bekerjasama, sedangkan perjudian adalah permainan yang bergantung kepada untung dan nasib (Nejatullah Siddiqi, 1985).

Bagi sesetengah sarjana Islam yang lain, unsur perjudian ini tidak wujud dalam insurans konvensional (Saiful Azhar Rosly, 2005). Ini kerana risiko spekulasi dalam insurans samalah dengan risiko spekulasi dalam amalan perdagangan biasa yang tidak lari

daripada kemungkinan untung atau rugi. Menurut pendapat ini, jika diteliti, takaful dan insurans konvensional sebenarnya berurusan dengan risiko hakiki dalam kehidupan, bukan risiko spekulasi. Sedangkan dalam perjudian kemungkinan untuk mendapat keuntungan adalah terlalu kecil dan risiko spekulasi (*speculative risk*) adalah terlalu tinggi dan tidak dapat dijangka.

Risiko hakiki adalah seperti kebakaran, banjir, gempa bumi dan kemalangan jalan raya. Peranan syarikat insurans ialah menyerap risiko tersebut daripada pelanggannya melalui perjanjian bersama, dengan kata lain risiko hakiki itu dipindahkan daripada pelanggan kepada syarikat (Saiful Azhar Rosly, 2005).

Dari aspek insurans hayat, risiko sebenarnya berlaku apabila berlaku kematian yang merupakan sesuatu yang pasti, cuma bila berlakunya kematian tersebut adalah sesuatu yang tidak diketahui, ini menjadi urusan syarikat insurans untuk membuat pengiraan bilakah kemungkinan kematian itu berlaku atau berdasarkan purata umur kematian masyarakat. Di dalam perjudian tidak ada jaminan seseorang akan menang tetapi kemungkinan untuk kalah adalah besar.

Insurans bukanlah satu perjudian kerana risiko spekulasi hanya akan berlaku apabila perjudian itu benar-benar dilakukan sedangkan risiko sebenar ialah apabila seseorang itu membeli atau tidak membeli polisi insurans. Risiko spekulasi berlaku dalam semua bentuk amalan perdagangan tetapi ia amat berbeza dengan risiko spekulasi dalam perjudian.

Hujah kedua pula, ketidakpastian seperti yang ditegah oleh Islam ialah kerana ia membawa kepada kekecohan dan perselisihan. Namun dalam kehidupan moden ini, ketidakpastian yang dimaksudkan oleh Islam mungkin yang melampau seperti perjudian, sedangkan insurans terutamanya wang pampasan adalah pasti, ia sudah menjadi satu jaminan keselamatan yang dirasakan oleh pemegang polisi sebagai pulangan kepada premium dibayar.

Hujah ketiga bagi golongan yang mengharuskan pengamalan insurans ini ialah insurans nyawa bukanlah merupakan satu skim yang mencabar takdir Ilahi kerana insurans tidak menentukan bahawa sesuatu perkara yang belum berlaku itu pasti terjadi, sebaliknya ia hanya membayar kepada pemegang polisi yang menghadapi sesuatu bencana atau risiko. Gantirugi ini sudah pasti akan meringankan beban kerugian tersebut dan ini amat ditekankan oleh al-Quran.

Hujah seterusnya, kontrak insurans merupakan kontrak baru yang menjadi satu keperluan kepada kehidupan moden, oleh itu ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Sepertimana yang dinyatakan oleh sarjana Islam, menurut kaedah fiqh "asal sesuatu perkara adalah harus" (al-Nadawi, 2004). Mustafa al-Zarqa' dan Burham Muhammad 'Ata'ullah berpendapat bahawa akad insurans adalah harus. Mereka berpendapat bahawa dasar akad di dalam Islam berasaskan kepada kaedah fiqh bahawa *al-Asl fi al-'Uqud al-Ibahah* (hukum asal dalam akad adalah harus) (Mustafa Zarqa', 1984). Berdasarkan kaedah ini penggunaan akad-akad dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan tidak harus

terhad hanya kepada bentuk akad penama yang dikenali dalam fiqh Islam. Selagi sesuatu akad tersebut tidak mempunyai unsur yang dilarang oleh undang-undang syarak, maka akad tersebut adalah sah (Ahmad Hidayat Buang, 1996).

Ali al-Khatif yang merupakan ahli Lembaga Kajian Islam telah mengharuskan penggunaan insurans kerana pada pendapatnya institusi insurans bukanlah institusi yang bertujuan mengaut keuntungan, tetapi kewujudannya adalah untuk menyumbangkan perkhidmatan am kepada orang ramai khasnya melindungi daripada bahaya dan kerugian. Kedua, kontrak insurans merupakan kontrak yang baru dan tidak terdapat *nas-nas* yang melarang penggunaannya (Sobri Solomon, 1989).

Sebenarnya telah banyak ulama dan pakar perundangan Islam melakukan penyelidikan mendalam berkaitan pengamalan insurans nyawa ini. Berikut dinyatakan beberapa pandangan ulama kontemporari yang tidak mengharuskan amalan insurans konvensional.

Muhammad Abu Zuhrah dalam jawapan balasnya kepada Mustafa al-Zarqa' berpendapat akad insurans secara kerjasama itu harus hukumnya. Namun begitu, kontrak insuran yang tidak berbentuk kerjasama yang diamalkan pada masa ini tidak diharuskan kerana ia adalah satu bentuk perjudian dan terdapat dalamnya elemen-elemen *gharar* dan *riba* (Muhammad Abu Zuhrah, 1961).

Pada tahun 1976, Persidangan Antarabangsa Pertama Mengenai Ekonomi Islam yang diadakan di Mekah telah memutuskan bahawa akad insurans nyawa adalah haram kerana tidak memenuhi syarat Islam yang menjadikannya diterima. Dalam persidangan tersebut juga telah dicadangkan penubuhan jawatankuasa yang mengkaji suatu bentuk insurans yang bebas daripada amalan riba dan spekulasi tetapi berasaskan kerjasama yang bersesuaian dengan syariat Islam (Nejatullah Siddiqi,1981).

Pada Disember 1985, Majlis Akademi Fiqh Islam yang terdiri daripada ramai sarjana dalam pelbagai bidang dari seluruh dunia telah memutuskan bahawa perjanjian insurans konvensional adalah haram kerana mengandungi unsur-unsur yang tidak selaras dengan syariah (Mohd.Fadzli Yusof, 1996).

Di Lucknow, India, sebuah pertubuhan Islam yang berpengaruh iaitu *Nadwa al-Ulama'* telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji hukum insurans nyawa. Beberapa ulama terkenal seperti Nahdi Hasan, Syed 'Uruj Ahmad Qadri, Mahmud Ali dan Ulsaydulla Rahman memberikan pendapat bahawa insurans nyawa adalah haram dengan alasan wujudnya unsur *gharar*, perjudian, *syubhah* dan riba (Sobri Solomon ,1989).

Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia pula pada Jun 1972 telah memutuskan bahawa insurans hayat sebagaimana yang telah dijalankan oleh syarikat insurans yang ada pada masa tersebut adalah muamalat yang *fasad* kerana tidak sesuai dengan prinsip Islam dari segi akadnya, iaitu mengandungi unsur *gharar*, *maysir* dan riba (Majlis Fatwa

Kebangsaan,1972). Secara ringkas dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar ulama menyatakan kontrak insurans konvensional tidak selaras dengan hukum syarak kerana dikatakan mengandungi unsur-unsur berikut (Afzal ur Rahman,1994):

Gharar (ketidakpastian). Definisi *gharar* dari segi bahasa ialah bahaya, bencana atau risiko (Ibn. Manzur, 1994). Dalam perundangan Islam *gharar* dikaitkan dengan kontrak jual beli yang diharamkan kerana mengandungi unsur-unsur keraguan yang mungkin boleh menyebabkan perselisihan antara pembeli dan penjual.

Gharar juga dapat diertikan sebagai elemen ketidakpastian (*uncertainly*) dalam butiran sesuatu kontrak yang mana unsur ini akan menyebabkan natijah sesuatu kontrak itu kabur dan tidak dapat dipastikan dan ini akan mengakibatkan spekulasi, risiko yang tidak munasabah dan percanggahan maklumat antara pihak yang berkontrak (Ahmad Hidayat Buang,1993). Terdapat beberapa hadis yang menunjukkan kepada pengharaman unsur *gharar* dalam muamalat, antaranya sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud:

"Rasulullah SAW melarang menjual beli anak batu dan jual beli *gharar*."

(Riwayat Muslim)

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah

SAW melarang dari *al-Mulamasah* dan *al-Munazabah*.

(Riwayat al Bukhari)

Al-Munazabah bermaksud jual beli apabila kedua-dua pihak tidak menetapkan barangan yang dibeli tetapi ditentukan dengan lontaran kain atau anak batu. *Al-Mulamasah* pula jual beli yang terlaksana apabila pembeli memegang barang tersebut (Mustafa al Khin et al., 2005). Islam telah mensyaratkan bahawa sesuatu akad atau perjanjian yang dimeterai antara pihak yang membuat perjanjian mestilah jelas tentang perkara yang diakadkan itu (Wahbah al-Zuhaili, 1996). Dalam kedua-dua keadaan insurans nyawa dan insurans am, pemegang polisi, mengikut perjanjian yang telah ditandatangani bersetuju membayar sejumlah caruman bagi tempoh tertentu dan syarikat pula memberi jaminan akan membayar sejumlah pampasan apabila berlaku bencana kepada pemegang polisi.

Namun begitu syarikat tidak menjelaskan bagaimana jumlah bayaran pampasan yang dijanjikan itu, dihasilkan dan bagaimanakah kerugian dapat dinilai dalam bentuk wang sebelum bencana itu berlaku (Muslehuddin, 1969). Sekalipun diandaikan benda yang dipersetujui itu pasti namun tiada satu pihak pun yang mengetahui nilai sebenar pampasan yang patut dibayar pada masa pampasan itu harus dibayar. Oleh itu unsur ketidakpastian memang terdapat dalam kontrak insurans.

Begitu juga pemegang polisi tidak akan menerima sebarang pengambilan premium ataupun sekiranya diberi tetapi kaedah pengiraannya tidak berasaskan prinsip sama rata, apabila pemegang polisi membatalkan atau menamatkan polisi insurans sebelum genap tempohnya yang tertentu. Ringkasnya kontrak insurans adalah dikira haram kerana wujudnya unsur ketidakpastian dan ketidaktentuan perkara yang dikontrakkan. Itulah sebabnya ia dianggap *gharar* (al- Zuhayli, 1989). Ini semua bertitik tolak daripada

kontrak itu sendiri yang berasaskan kontrak jual beli. Pengharaman *gharar* ini menunjukkan salah satu sifat kesempurnaan syariat Islam iaitu pencegahan daripada berlaku perselisihan di masa hadapan terhadap kontrak yang telah diadakan (Azila Ahmad Sharkawi,1998).

Unsur kedua *Maysir* (perjudian); keseluruhan asas kontrak adalah berasaskan sesuatu kejadian yang tidak pasti terjadi yang mana ia mungkin berlaku atau tidak. Asas sebegini lebih merupakan satu pertaruhan atau loteri. Pembayaran pampasan tertakluk kepada bencana yang belum pasti terjadi itu menjadikan kontrak insurans sebagai suatu pertaruhan (Ab. Mumin, 1999).

Al-Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti'i berpendapat bahawa insurans itu adalah satu kontrak yang *fasid* pada pandangan syarak kerana kerana ia dilakukan dengan bergantung kepada bahaya dan bencana yang kadang-kadang berlaku dan kadang-kadang tidak berlaku (Ab. Mumin,1999).

Islam menganggap sebagai satu perjudian apabila seseorang pemegang polisi insurans nyawa meninggal dunia sedangkan tempoh perjanjiannya belum lagi tamat dan hanya membayar sebahagian daripada insurans caruman yang dipersetujui, tetapi kemudian diberikan pula pampasan yang tidak dijelaskan dari mana asalnya pampasan tersebut. Dalam hal ini syarikat insurans pula boleh mengalami keuntungan atau kerugian disebabkan oleh tuntutan yang seolah-olah bergantung kepada nasib. Keuntungan daripada nasib inilah yang dianggap berjudi (Muslehuddin, 1969).

Sementara unsur yang ketiga ialah riba. Umumnya kontrak insurans ialah kontrak yang melibatkan pertukaran kewangan dua hala iaitu bayaran premium daripada pemegang polisi dan bayaran pampasan oleh syarikat kewangan. Oleh sebab barangan tukaran kontrak ini adalah wang dan wang adalah barangan *ribawi* (bagi pendapat yang mengatakan wang memenuhi sifat emas dan perak sebagai medium pertukaran) maka penukaran wang mestilah mengikut syarat penukaran emas dan perak iaitu mestilah pada kadar yang sama dan penyerahan *al-ma'qud 'alaih* (barang yang diakadkan) mesti dilakukan dalam masa yang sama. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh 'Ubadah Ibn al-Samit r.a. bahawa Rasulullah SAW. bersabda yang bermaksud:

"Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam, (ditukarkan) sesama sendiri, pada kadar yang sama, secara tunai, apabila barangan berkenaan yang berbeza ditukar, maka jualbelilah sesuka hatimu selama mana ia adalah pertukaran tunai."

(Riwayat Muslim)

Memandangkan premium dibayar biasanya berkala atau sekali semasa kontrak ditandatangani manakala penyerahan pampasan dilaksanakan pada suatu masa hadapan bergantung kepada berlakunya peristiwa yang dilindungi maka wujudnya ruang masa antara kedua-duanya dan ini menyebabkan wujudnya unsur riba (Wan Marhaini et.al, 2005).

Syarikat insurans juga biasanya memberi kemudahan *automatic premium loan* yang diberikan kepada kepada pemegang polisi insurans hayat seumur hidup. Kemudahan ini membolehkan syarikat secara automatik membayar premium yang terakru (terlewat bayar) melalui pinjaman dari nilai tunai polisi pemegang polisi terbabit selama mana nilai tersebut mencukupi. Satu kadar faedah tetap sebagaimana yang tercatat dalam polisi akan dikenakan (Hiew Kum Yen, 2005). Ini merupakan suatu teknik riba yang jelas.

Selain itu unsur ini dipersetujui juga oleh sarjana yang mengkritik unsur *gharar* dan *maysir* dalam insurans kerana syarikat insurans banyak melabur di dalam sekuriti yang berasaskan riba seperti bon kerajaan, sekuriti hutang swasta dan instrumen kewangan yang lain (Saiful Azhar Rosly, 2005).

2.5.2 Kesan Perbezaan Kontrak Takaful dan Insurans

Disebabkan takaful dan insurans menggunakan kontrak yang berlainan maka ia juga menimbulkan beberapa perbezaan lain antaranya (Zaharuddin Abd.Rahman, 2007) :

- a. Hubungan antara pelanggan insurans dengan syarikat ialah pembeli dan penjual. Tetapi dalam takaful pelanggan adalah peserta dan syarikat sebagai wakil dan pengendali sistem itu sahaja.
- b. Pelanggan insurans membeli premium daripada syarikat tetapi peserta takaful mencarum sumbangan atas dasar bantu membantu sesama peserta lain.

- c. Syarikat insurans adalah penanggung risiko musibah yang berlaku terhadap pelanggannya. Syarikat takaful hanya sebagai pengendali atau pentadbir sistem itu, yang menanggung risiko ialah peserta-peserta sesama mereka sahaja.
- d. Sebaik sahaja pembayaran premium insurans dilakukan, wang yang diterima menjadi hakmilik syarikat tetapi dalam takaful wang tersebut bukan milik syarikat tetapi dikategorikan sebagai *tabarru'* yang akan digunakan untuk menanggung risiko yang berlaku di kalangan peserta. Walaupun demikian hanya sebahagian wang tersebut menjadi milik syarikat melalui yuran dan bayaran perkhidmatan yang dikenakan.
- e. Jika ada keuntungan daripada pelaburan syarikat insurans, pada dasarnya ia adalah milik syarikat bukan pembeli insurans. Keuntungan dalam syarikat takaful pula pada asalnya adalah milik peserta takaful, jika ada bahagian untuk syarikat ia adalah tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui.
- f. Jika ada lebihan kewangan daripada aktiviti syarikat, pembeli insurans tiada apa-apa hak terhadapnya, sebaliknya dalam takaful jika ada lebihan, ia akan dikembalikan kepada peserta.

- g. Pelaburan yang dijalankan oleh syarikat insurans tidak terikat dengan hukum syarak. Pelaburan dan aktiviti syarikat takaful terikat dengan hukum syarak dan dikawal oleh badan pengawalan syariah yang telah dilantik.

2.6 PERKEMBANGAN INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

Sejarah takaful moden bermula di Sudan pada tahun 1979. Di Malaysia pula takaful bermula dengan kemunculan Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada tahun 1985 yang merupakan anak syarikat kepada Bank Islam Malaysia Berhad. Operasi semua syarikat takaful di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Takaful 1984 (Ab Mumin,1999). Sejak penubuhan syarikat tersebut ia telah menunjukkan perkembangan yang amat memberangsangkan dan menjadi antara penyumbang utama kepada sistem kewangan Islam di Malaysia.

Sehingga tahun 2007 jumlah keseluruhan aset industri takaful di Malaysia ialah sebanyak USD2.8 bilion dengan penembusan pasaran sebanyak 7.2%. Sejak tahun 2003 hingga 2007 industri ini telah mengalami purata pertumbuhan yang tinggi iaitu sebanyak 27% dan 19% (MIF Monthly,2008). Ketika merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia di Johor Bahru, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd.Najib menyatakan untuk menjadi pemangkin kepada industri ini, penyertaan daripada pengendali-pengendali takaful luar negara akan di tingkatkan sehingga 70% dan dijangkakan penembusan pasaran takaful di Malaysia dapat mencecah 12% pada 2012 (Bernama, 27 April 2009).

Sebenarnya ini agak tersasar daripada jangkaan awal BNM iaitu 20%, faktor ini mungkin kerana kelembapan ekonomi sekarang (Utusan Malaysia, 28 Januari 2009).

Dengan dasar liberisasi sistem kewangan Islam Malaysia yang pantas, penyertaan dari kalangan institusi takaful tempatan dan antarabangsa bertambah dengan pesat. Daripada hanya sebuah syarikat pada 1985 dan bertambah hanya satu pada 1993, kini telah wujud lapan syarikat pengendali takaful dan dua re-takaful yang melibatkan syarikat tempatan dan antarabangsa termasuk dari United Kingdom, Bahrain, Jerman dan Jepun (Annual Takaful Statistic, 2007).

Di peringkat dunia, industri takaful berkembang dengan pantas dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan sama ada daripada pelanggan Muslim mahupun bukan Muslim. Berdasarkan jangkaan Institute of Islamic Finance and Insurance & Investor Offshore Review pada Februari 2005, ia dijangka terus berkembang pada tahap 15% - 20% dengan jumlah sumbangan sebanyak USD 7.4 bilion sehingga tahun 2015. Kini terdapat 110 syarikat pengendali takaful di seluruh dunia (MIFC, 2008).

Menurut Laporan Takaful Dunia Ernst & Young 2009, Arab Saudi dan Malaysia merupakan dua pasaran terunggul dunia dengan caruman masing-masing berjumlah USD 1.7 bilion dan USD 797 juta pada tahun 2007. Caruman takaful global pula meningkat kepada USD 3.4 bilion pada tahun 2007 berbanding USD 2.5 bilion pada tahun 2006. Firma tersebut juga menjangkakan menjelang akhir 2012 pasaran takaful dunia mencapai nilai setinggi USD 7.7 bilion (Bernama, 15 April 2009).

2.6.1 Sambutan Masyarakat Terhadap Takaful

Walaupun perkembangan industri takaful di peringkat antarabangsa agak memberangsangkan, tahap penembusan takaful berbanding nisbah masyarakat Malaysia dan Muslim khususnya masih lagi rendah dan belum memuaskan. Daripada keseluruhan industri insurans, hanya 34.7% pasaran rakyat Malaysia yang telah ditembusi (MTEN, 2003). Jumlah orang Islam yang menyertainya pula adalah kurang daripada 20%. Industri takaful pula walaupun berkembang pesat tetapi penembusan pasarannya hanyalah sekitar 7% sahaja (Bernama, 27 April 2009). Ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi rakyat Malaysia terutamanya Muslim belum mempunyai apa-apa perlindungan takaful, ini sesuatu yang agak menyedihkan.

Beberapa kajian terdahulu dapat menyokong kenyataan di atas. Antara kajian tersebut ialah yang dilakukan oleh Hakiminhafiz Hussain (2004) terhadap pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang menunjukkan produk takaful am kurang mendapat sambutan berbanding produk insurans am konvensional. Kajian Syukriah Zakaria pula (2004) mengenai sambutan masyarakat di Bagan Serai mendapati 33% responden menyertai skim takaful 22% menyertai insurans konvensional dan 45% tidak menyertai mana-mana insurans atau takaful. Kajian oleh Azizi Che Seman pada tahun 2003 mengenai penerimaan kakitangan Universiti Malaya terhadap takaful pula menunjukkan sambutannya agak rendah. Antara alasan yang diberi oleh penulis ialah

maklumat yang sampai kepada masyarakat mengenai takaful adalah tidak tepat dan mereka sendiri kurang faham apakah yang dimaksudkan dengan takaful.

Noor Wati Shadan (2002) dalam kertas kerjanya “Takaful Sejauh Manakah Ianya menembusi Pasaran Insurans di Malaysia” telah menerangkan bahawa penerimaan masyarakat masih kurang berbanding insurans konvensional. Beliau menyatakan penembusan pasaran hanya dalam lingkungan 2.8% berbanding insurans konvensional 31.5% walaupun secara keseluruhan kajiannya menunjukkan penerimaan masyarakat di Takaful Malaysia semakin meningkat.

Chang Sok Ling (1999) pula dalam kajiannya ke atas penduduk kawasan Petaling Jaya dan Kuala Lumpur menyatakan bahawa golongan berbangsa Cina merupakan yang paling ramai memiliki polisi insurans nyawa diikuti bangsa Melayu sebanyak 27.4% diikuti India sebanyak 22.6%. Beliau mengandaikan kurangnya bangsa Melayu memiliki insurans nyawa mungkin disebabkan mereka memiliki polisi Takaful Keluarga.

Kefahaman yang betul oleh masyarakat mengenai takaful dan insurans konvensional amatlah penting untuk menentukan pemilihan mereka terhadap kedua-duanya. Ketidakhahaman inilah mungkin antara sebab penembusan takaful dalam pasaran masih lagi rendah. Kajian oleh Zarina Mohd. Nor (2006) menunjukkan kefahaman pelajar IPTA dalam aliran agama juga masih lagi di tahap yang rendah, oleh itu bagaimana hendak diharapkan terhadap masyarakat biasa yang tidak mempunyai pendidikan tinggi agama.

Perlu diingat sehingga awal Julai 2003 hanya terdapat tiga syarikat takaful sahaja iaitu Takaful Malaysia Bhd., Takaful Maybank Bhd. dan Takaful Nasional (TN), tambahan pula hanya TN yang menggunakan agen berbanding yang lain. Jumlah keseluruhan wakil takaful pula ialah sebanyak 11 433 orang Hal ini amat berbeza sekarang kerana sehingga 2007 telah ada 8 buah syarikat pengendali takaful dan 43 843 orang agen (Annual Takaful Statistic, 2007), oleh itu dijangkakan ada perbezaan serta sumbangan baru hasil daripada penyelidikan ini.

2.6.2 Sokongan Daripada Pihak Kerajaan

Secara umum boleh dikatakan pembangunan insuran Islam adalah tanggungjawab pemerintah kerana ia wajib memastikan kebajikan rakyat terjamin terutama yang berkaitan dengan aspek kesihatan. Namun begitu dalam bidang yang terhad badan-badan swasta dibenarkan untuk menguruskannya kerana ia merupakan salah satu daripada institusi kebajikan. Untuk itu pihak pemerintah berperanan sebagai penasihat atau pemerhati kepada institusi ini agar ia tetap bergerak di atas asas kebajikan (Jamil Osman, 1990).

Sejak 1984 kerajaan Malaysia telah menunjukkan sokongan yang amat baik untuk meralisasikan insuran Islam ini. Bermula dengan mewujudkan Akta Takaful 1984 dan penubuhan Syarikat Takaful Malaysia pada 1985 sokongan berterusan terus diberikan sehingga sistem dan industri ini semakin mantap sekarang. Pada tahun 2001 kerajaan telah melancarkan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang menjadi pemangkin

kepada perkembangan industri ini. Pelan ini merupakan satu pelan pembangunan yang berstruktur bagi industri takaful dengan memberi fokus kepada pelan tindakan yang spesifik bagi membina kapasiti pengendali takaful serta memantapkan rangka kerja pengawalan syariah dan perundangan. Ia juga bertindak sebagai *road map* bagi merealisasikan aspirasi Malaysia untuk menjadi pusat serantau bagi industri kewangan Islam. Sejak dilancarkan ia telah memperlihatkan pertumbuhan pesat pembangunan dan persaingan dalam industri ini sehingga jumlah pengendali takaful telah meningkat kepada lapan buah sekarang berbanding dua sahaja ketika pelancaran pelan ini (Wan Mohd.Nazri, 2005).

Di pihak kerajaan negeri pula, Kelantan dilihat mendahului negeri-negeri lain dalam menyediakan skim Takaful Kafalah untuk rakyat negeri tersebut yang berusia enam puluh satu tahun dan ke atas. Ini melibatkan sejumlah 97,970 orang warga emas seluruh Kelantan (Harakahdaily, 2006). Hal ini kemudian diikuti pula oleh negeri-negeri lain di antaranya Johor (Takaful Ikhlas, 2009) dan dan Selangor (Harakahdaily, 2008). Usaha-usaha ini adalah amat baik bagi rakyat setiap negeri tersebut dan secara tidak langsung merancakkan lagi industri takaful di Malaysia.


2.7 KERANGKA TEORI

Berdasarkan kepada penulisan dan kajian yang dibuat, penyelidik mengolah teori penyelidikan ini berdasarkan pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas. Pembolehubah bersandar dalam penyelidikan ini ialah tahap penyertaan masyarakat

terhadap takaful, tanpa mengira takaful am atau takaful keluarga. Penyertaan ini juga sama ada untuk diri sendiri atau orang yang di bawah tanggungannya iaitu isteri atau anak-anak.

Pembolehubah bebas yang pertama ialah kefahaman terhadap takaful. Ini meliputi kefahaman terhadap konsep asas takaful, perbezaannya dengan insurans konvensional dan perkembangan industri itu sendiri.

Pembolehubah bebas yang kedua ialah persepsi terhadap takaful. Persepsi ini termasuklah terhadap wakil takaful, syarikat takaful dan pelaksanaan sistem itu sendiri. Kerangka teori ini boleh dijelaskan seperti dalam gambarajah di bawah.



2.8 HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan kajian-kajian lepas penyelidik boleh menggariskan beberapa hipotesis untuk kajian ini. Hipotesis-hipotesisnya adalah seperti berikut:

H01 – Penyertaan golongan siswazah dalam takaful masih lagi rendah

H02 – Kefahaman terhadap konsep dan sistem takaful masih lagi rendah

H03 – Persepsi terhadap konsep takaful, wakil dan industri takaful adalah tinggi.

2.9 RUMUSAN

Sorotan karya ini dilakukan untuk menjadikan kajian ini lebih mantap dan mudah difahami. Terdapat banyak penulisan dan kajian yang telah dilakukan sebelum ini mengenai takaful, masing-masing mempunyai skop dan objektif yang tersendiri dan boleh dianggap saling lengkap melengkapi. Walaubagaimanapun kajian-kajian lapangan sebegini perlu diteruskan supaya perkembangan industri ini dapat dinilai dari semasa ke semasa.

BAB KETIGA :

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Untuk memastikan kajian ini dapat dilakukan dengan teratur dan dapat mencapai objektif yang telah digariskan metodologi kajian digariskan secara teliti supaya tidak tersasar daripada landasan pebahasannya. Ini juga akan memudahkan pembaca untuk memahami kajian ini secara lebih tersusun.

3.2 KERANGKA KAJIAN

Kajian yang dibuat melibatkan tinjauan tentang tahap keprihatinan responden iaitu pelajar siswazah Universiti Utara Malaysia kampus Kuala Lumpur terhadap sistem takaful di Malaysia. Oleh itu untuk mendapatkan data primer tersebut penulis akan merangka soalan-soalan kajiselidik yang sesuai untuk diedarkan kepada responden dengan merujuk juga kepada beberapa kajian lepas. Untuk mengetahui gambaran keseluruhan industri takaful ini pula penulis akan merujuk kepada data sekunder seperti laporan tahunan syarikat takaful, BNM dan kajian lepas yang bersesuaian.

3.3 PERSAMPELAN

Sampel yang terlibat ialah pelajar-pelajar ijazah tinggi iaitu sama ada program sarjana dan kedoktoran Universiti Utara Malaysia, kampus Kuala Lumpur (UUMKL). Daripada maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Pentadbiran UUMKL, jumlah keseluruhan pelajar ijazah tinggi ialah sebanyak 539 orang. Bilangan pelajar kedoktoran sebanyak 72 orang dan sarjana sebanyak 467 orang sahaja. Daripada sejumlah 450 kertas soalan kajiselidik yang telah diedarkan hanya 210 responden sahaja yang telah menjawab dan mengembalikannya semula. Setelah diteliti dan disaring hanya 152 sahaja yang benar-benar menjawab dengan lengkap dan boleh dijadikan sebagai sampel untuk penyelidikan ini. Ini bermakna kajian ini mewakili 28% daripada jumlah keseluruhan pelajar ijazah tinggi UUM kampus Kuala Lumpur.

3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ialah soalan kaji selidik yang akan diedarkan kepada responden. Untuk menilai sama ada soalan yang diberikan adalah sesuai untuk mencapai matlamat kajian ataupun sebaliknya penulis telah merujuk kepada kajian-kajian terdahulu dan membuat ujian rintis kepada 30 orang responden untuk melihat sama ada soalan tersebut adalah bersesuaian atau tidak. Penulis juga mendapatkan bantuan mereka yang terlibat secara langsung dengan industri ini untuk melihat kesesuaian soalan yang akan diedarkan.

Borang kajiselidik yang diberi terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian A adalah soalan-soalan mengenai latar belakang responden yang meliputi jantina, tahap pengajian kerjaya, umur, status perkahwinan dan pendapatan. Selepas itu responden akan dipecahkan kepada dua kumpulan soalan iaitu bagi mereka yang ada produk takaful atau pernah mengambil untuk isteri atau anak akan menjawab bahagian B. Kumpulan yang kedua pula akan menjawab bahagian C iaitu bagi mereka yang tidak mempunyai produk takaful. Soalan bahagian B akan berfungsi untuk mengetahui dari manakah maklumat mengenai takaful diperolehi dan apakah faktor pemilihan produk takaful. Soalan bahagian C pula adalah untuk mengetahui apakah faktor responden tidak menyertai takaful.

Soalan bahagian D dan E akan dijawab oleh semua responden sama ada yang ada menyertai takaful atau tidak. Bahagian D adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan kefahaman terhadap konsep asas takaful, perbezaannya dengan insurans konvensional dan perkembangan industri takaful. Soalan berkaitan dengan persepsi terhadap konsep takaful, wakil, syarikat dan pelaksanaan takaful dikelompokkan dalam bahagian E.

3.5 UNIT ANALISIS

Untuk menjawab soalan demografi, responden hanya menandakan jawapan yang telah diberi bersesuaian dengan diri mereka. Soalan bahagian B dan C yang lebih merujuk kepada faktor pemilihan produk takaful atau insurans, skala Likert disediakan. Markah 1 diberikan jika responden sangat tidak bersetuju dengan kenyataan yang diberi dan

markah 5 diberikan jika responden sangat bersetuju. Jika tidak pasti atau berkecuali markah 3 akan diberikan. Skala Likert juga digunakan untuk menilai kefahaman dan persepsi responden di bahagian D dan E.

3.6 PENGUMPULAN DATA

Setiap pelajar siswazah yang terlibat akan diberikan borang kajiselidik dan diberi sedikit masa untuk menjawab. Penulis akan mengumpul borang kajiselidik tersebut sebaik sahaja mereka telah tamat menjawab. Bagi mendapatkan data-data sekunder pula penyelidik akan merujuk kepada buku-buku sama ada berbahasa Arab, Melayu, Inggeris serta buku-buku terjemahan di samping kajian-kajian yang bersesuaian dan menggunakan pelayaran internet mengikut keperluan.

3.7 ANALISIS DATA

Data yang telah diperolehi daripada borang kajiselidik tersebut dianalisis menggunakan analisis deskriptif, peratusan, frekuensi, min, sisihan piawai, dan khi kuasa dua. Perisian SPSS versi 15 digunakan untuk mempermudah penulis menilai hasil kajiselidik tersebut.

Analisis frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menilai maklumat mengenai latar belakang dan demografi responden. Ujian min juga akan digunakan untuk mengukur tahap pembolehubah yang berkaitan dengan sumber maklumat mengenai

takaful, faktor menyertai atau sebaliknya, kefahaman serta persepsi responden terhadap takaful.

Untuk menguji perkaitan antara kefahaman dan persepsi dengan penyertaan responden terhadap takaful, ujian khi kuasa dua digunakan.

3.8 RUMUSAN

Metodologi yang digunakan adalah mengikut kesesuaian kajian ini, pemerhatian daripada kajian-kajian terdahulu dan kekangan-kekangan yang wujud. Metodologi ini penting supaya kajian yang dilakukan penyelidik dapat mencapai matlamat yang dikehendaki secara lebih tersusun.

BAB KEEMPAT:
ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Peringkat yang paling penting dalam kajian projek ini ialah menganalisa data yang diperolehi daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Untuk memudahkan penganalisan data, huraian akan diberikan mengikut bahagian soalan yang telah disediakan. Bahagian A adalah data-data yang menunjukkan latar belakang responden yang meliputi jantina, tahap pengajian, program siswazah yang diambil, bidang kerjaya, umur, status perkahwinan, dan pendapatan.

Responden akan dibahagikan pula kepada dua kategori. Kategori pertama ialah mereka yang ada produk takaful dan kategori kedua bagi mereka yang tidak mempunyai apa-apa produk takaful. Responden yang ada produk takaful akan menerangkan daripada manakah mereka memperolehi maklumat mengenai takaful dan apakah faktor mereka memilih sesuatu produk itu. Ini akan dijawab di bahagian B. Bagi mereka yang tidak mempunyai takaful akan menerangkan faktor-faktor mereka tidak mengambil takaful sebagai produk kewangan mereka di bahagian C.

Kesemua responden akan ditanya beberapa soalan yang menguji kefahaman mereka terhadap takaful dalam bahagian D dan persepsi mereka terhadap takaful dalam bahagian E.

4.2 UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN

Jadual 4.1 : Ujian kebolehpercayaan soalan

Bahagian Soalan	Pembolehubah	Bil. soalan	Croanbach Alpha
B	Gelagat pemilik takaful	18	0.782
C	Gelagat bukan pemilik takaful	9	0.777
D	Kefahaman	17	0.906
E	Persepsi	10	0.903


Sumber: Soalan kajiselidik bahagian B,C,D dan E

Untuk membuktikan soal selidik yang diberi kepada responden boleh dipercayai dan boleh diterimapakai, ujian keefisyenan Croanbach Alpha digunakan sepertimana yang disarankan oleh Sheridan J.Coakes (2005) dan Uma Sekaran (2003). Jadual 4.1 di bawah menunjukkan nilai Croanbach Alpha yang diperolehi bagi setiap kategori soalan.

Nilai keefisyenan Croanbach Alpha semua bahagian soalan adalah melebihi 0.6 maka ia dianggap baik dan boleh dipercayai.


4.3 PROFIL RESPONDEN

Carta 4.1 Jantina responden



Sumber: Soalan kajiselidik no.1


Carta 4.2: Program pengajian responden



Sumber : Soalan kajiselidik no.3

Untuk mengenalpasti taburan responden, analisis data frekuensi digunakan. Daripada kajian yang telah dijalankan 210 responden telah mengembalikan kertas soal selidik tetapi setelah disaring hanya 152 sahaja yang telah menjawab dengan lengkap dan boleh dijadikan sampel. Jumlah responden mengikut kategori jantina ialah lelaki sebanyak 86 orang dan perempuan sebanyak 66 orang. Daripada jumlah tersebut 99 orang mengikuti pengajian MBA, 22 orang MSc. Management, 5 orang PhD/DBA dan 26 orang lain-lain bidang. Carta 4. dan 4.2 di atas menerangkan taburan tersebut.


Carta 4.3: Kerjaya responden



Sumber: Soalan kajiselidik no.4

Majoriti responden telahpun bekerja dengan bidang kewangan dan perbankan mendahului senarai iaitu sebanyak 70 orang (46.1%). Bidang pendidikan sebanyak 16 orang (10.5%), kejuruteraan 8 orang (5.3%) perkhidmatan awam 8 orang (5.3%) penguatkuasa undang-undang 6 orang (3.9%). Lain-lain bidang kerjaya mewakili jumlah yang agak besar juga iaitu 44 orang (28.9%). Lain-lain bidang ini antaranya dari bidang teknologi maklumat, perniagaan sendiri dan mereka yang masih belum bekerja.

Carta 4.4: Umur responden




Sumber: Soalan kaji selidik no. 5

Dari segi umur responden, yang paling ramai ialah dalam lingkungan 20-25 tahun iaitu sebanyak 42 orang (28%) diikuti 25-30 tahun sebanyak 40 orang (26%). Lingkungan

umur 30-35 (11%) tahun pula sebanyak 16 orang dan 35-40 tahun sebanyak 26 orang (17%). Responden yang berumur antara 40-45 tahun juga agak ramai iaitu sebanyak 24 orang (16%), tetapi yang berumur antara 45-50 tahun dan 50 tahun ke atas hanya dua orang sahaja bagi setiap kategori yang masing-masing mewakili 1%.


Carta 4.5: Status perkahwinan



Sumber: Soalan kajiselidik no.6

Bagi pecahan status perkahwinan, 70 telah berkahwin, 76 orang masih bujang dan 6 orang sahaja yang telah berpisah sama ada duda atau janda.


Carta 4.6: Jumlah pendapatan



Sumber: Soalan kajiselidik no.7

Pecahan mengikut jumlah pendapatan pula didahului oleh mereka yang berpendapatan dalam lingkungan RM2000 – RM3000 iaitu sebanyak 50 orang (35%) diikuti pendapatan RM3000-RM4000 iaitu sebanyak 30 orang (20%). Mereka yang berpendapatan melebihi RM6000 juga agak ramai iaitu sebanyak 26 orang (17%). Ini diikuti pula oleh mereka yang berpendapatan RM1000-RM2000 iaitu sebanyak 24 orang (16%) dan berpendapatan RM4000-RM5000 sebanyak 18 orang (12%). Responden yang berpendapatan antara RM5000-RM6000 hanya dua orang sahaja (1%).

Carta 4.7: Pemilikan takaful



Sumber: Soalan kajiselidik no.8

Hasil soal selidik tersebut mendapati hanya 70 (46%) orang yang mempunyai takaful dan 82 orang (54%) lagi tidak mempunyai produk tersebut. Ini menunjukkan pemilikan takaful di kalangan responden masih lagi rendah. Carta 4.7 di bawah menerangkan situasi tersebut.

4.4 GELAGAT PESERTA TAKAFUL

Untuk menilai gelagat peserta takaful sama ada mengenai sumber maklumat tentang takaful, faktor memilih takaful dan faktor pemilihan jenis produk takaful, analisis deskriptif melalui min, mod, median dan sisihan piawai dilakukan. Skala Likert

digunakan untuk responden menyatakan sama ada setuju atau tidak dengan pernyataan yang diberi. Skala 1 diberikan jika responden sangat tidak setuju, 2 jika tidak setuju, 3 jika tidak pasti, 4 jika setuju dan 5 jika sangat setuju.

4.4.1 Sumber Maklumat Mengenai Takaful

Sebanyak lima sumber maklumat diberikan untuk responden memilih jawapan mengikut Skala Likert yang telah diberikan. Hasilnya didapati kebanyakan responden bersetuju bahawa maklumat mengenai takaful adalah melalui wakil takaful dengan *min* 4.14 diikuti dengan media masa dengan *min* 3.97. Sumber maklumat yang agak sedikit diterima melalui rakan-rakan yang mewakili *min* 3.45 dan bagi sumber melalui adik beradik atau keluarga kebanyakannya tidak bersetuju kerana *min* yang diperolehi 2.8 sahaja.

4.4.2 Faktor Penyertaan Dalam Takaful Berbanding Insurans

Kajian ini juga mendapati ramai responden bersetuju bahawa faktor paling utama seseorang itu menyertai takaful ialah kerana produk-produknya mematuhi prinsip syariah (*min* 4.45). Responden juga cenderung untuk bersetuju bahawa kepercayaan terhadap sesebuah syarikat takaful (*min* 3.8) dan kepercayaan terhadap wakil takaful (*min* 3.6) menjadi faktor pemilihan terhadap takaful. Faktor jumlah sumbangan yang berpatutan dan pulangan yang lebih tinggi tidak menjadi faktor utama seseorang itu menyertai takaful kerana *min* yang diperolehi hanya 3.4 dan 3.2 yang menggambarkan cenderung kepada tidak pasti.

4.4.3 Faktor Pemilihan Sesuatu Produk Takaful

Responden yang telah mempunyai takaful memilih sesuatu jenis produk takaful berdasarkan beberapa keutamaan. Kajian mendapati syarikat yang dipercayai kukuh menjadi keutamaan responden dengan min 4.31 dan pelan yang menarik dengan min 4.14 menunjukkan persetujuan itu. Jumlah caruman yang berpatutan juga mendapat perhatian responden dengan nilai min 4.0 diikuti faktor syarikat yang terkenal dengan nilai min 3.97. Faktor lain yang menjadi perhatian peserta takaful ialah jumlah perlindungan yang tinggi dengan catatan min 3.91. Faktor yang agak kurang diberi perhatian ialah jumlah keuntungan yang diperolehi (min 3.77) dan kepercayaan kepada wakil takaful (min 3.71).

4.5 GELAGAT RESPONDEN YANG TIADA TAKAFUL

Dalam bahagian ini responden yang tidak memiliki takaful iaitu sama ada yang memilih insurans konvensional atau tidak memiliki kedua-dua produk tersebut akan ditanya apakah faktor mereka tidak memiliki takaful.

Hasil kaji selidik yang telah dilakukan, kebanyakan responden tidak menyertai takaful ialah kerana tidak mendapat maklumat yang jelas mengenainya, ini dibuktikan dengan min yang diperolehi iaitu sebanyak 3.73 yang menggambarkan mereka cenderung untuk bersetuju. Faktor seterusnya ialah produk insurans yang dianggap lebih menarik dengan min yang diperolehi sebanyak 3.6. Responden agak berkecuali terhadap faktor wakil

takaful yang tidak mendekati responden, ini berdasarkan min yang diperolehi 3.34 sahaja. Pernyataan bahawa syarikat insurans memberikan perlindungan dan pulangan yang lebih tinggi pula tidaklah dipersetujui oleh semua responden kerana kebanyakannya juga cenderung untuk berkecuali atau tidak pasti. Min masing-masing ialah 3.2 dan 3.1.

Faktor-faktor lain boleh dianggap tidaklah menjadi keutamaan untuk mereka menolak takaful, ini ditunjukkan dengan min yang rendah yang diperolehi oleh faktor-faktor tersebut iaitu kepercayaan terhadap syarikat insurans hanya 3.09, belum berkemampuan 3.02 dan kepercayaan terhadap agen insurans 2.9 sahaja yang kesemuanya menggambarkan tidak pasti terhadap faktor tersebut.

4.6 KEFAHAMAN TERHADAP SISTEM DAN KONSEP TAKAFUL

Untuk menilai kefahaman responden terhadap konsep dan sistem takaful seterusnya perkaitan antara kefahaman dan pemilikan takaful, ujian khi kuasa dua dijalankan. Melalui cara ini penyelidik dapat mengenalpasti bilangan responden menjawab dengan betul pernyataan-pernyataan yang diberikan. Melalui nilai Skala Likert 1 hingga 5, responden dianggap menjawab dengan betul atau faham terhadap konsep dan sistem takaful jika menandakan 4 dan 5 yang mewakili setuju dan sangat setuju. Responden yang memilih skala 1, 2 dan 3 yang mewakili sangat tidak setuju, setuju dan tidak pasti dianggap masih tidak faham.

Jadual 4.2:Kefahaman responden

	Tidak faham	Faham
Ada takaful	38 (54.3%)	32 (45.7%)
Tiada takaful	68 (82.9%)	14 (17.1%)
Jumlah	106 (67%)	46 (30.3%)

Sumber: Soal selidik no.8 dan bahagian D

Secara keseluruhan didapati 106 (69.7%) orang responden masih tidak faham terhadap konsep dan sistem takaful sementara 46 (30.3%) orang sahaja yang memahaminya dengan baik. Nisbah kefahaman dengan pemilikan takaful pula, 38 orang yang memiliki takaful masih tidak faham dengan baik dan 32 orang sahaja yang faham. Di kalangan mereka yang tidak mempunyai takaful 68 orang masih tidak faham dan hanya 14 orang yang faham dengan baik. Ini menunjukkan majoriti responden (69.7%) tidak dapat memahami konsep dan sistem ini dengan baik bahkan masih ramai responden yang memiliki takaful sendiri tidak betul-betul memahami (54.3%). Tetapi ketidakfahaman di kalangan yang tidak mempunyai takaful adalah jauh lebih tinggi (82.9%).

4.7 PERSEPSI TERHADAP TAKAFUL

Untuk menilai persepsi responden terhadap takaful seterusnya perkaitan antara persepsi dan pemilikan takaful, ujian khi kuasa dua juga digunakan. Setelah dikodkan semula, penyelidik mengelaskan responden kepada dua kumpulan sahaja iaitu sama ada mempunyai persepsi yang bagus atau tidak bagus terhadap takaful. Responden yang

memilih skala 1, 2 dan 3 yang mewakili sangat tidak setuju, setuju dan tidak pasti dianggap mempunyai persepsi yang tidak bagus dan mereka yang memilih skala 4 dan 5 yang mewakili setuju dan sangat setuju dianggap mempunyai persepsi yang baik.

Jadual 4.3: Persepsi responden

	Persepsi kurang baik	Persepsi baik
Ada takaful	44 (62.9%)	26 (37.1%)
Tiada takaful	68 (82.9%)	14 (17.1%)
Jumlah	112 (73.7%)	40 (26.3%)

Sumber: Soal selidik no.8 dan bahagian E

Kajian mendapati kebanyakan responden masih mempunyai persepsi yang kurang baik atau tidak bagus terhadap takaful. Hal ini dibuktikan dengan skor yang diperolehi sebanyak 73.7% sedangkan responden yang mempunyai persepsi baik atau bagus terhadap takaful hanya 26.3%. Agak menarik apabila didapati ramai peserta takaful sendiri masih tidak mempunyai persepsi yang baik dengan nilai yang diperolehi sebanyak 62.9% sedangkan hanya 37.1% mempunyai persepsi yang baik. Di kalangan responden yang tidak mempunyai takaful pula lebih ramai yang memberikan persepsi yang kurang baik iaitu sebanyak 73.7%. Hanya 26.3% sahaja didapati mempunyai persepsi yang baik.

4.8 HUBUNGAN ANTARA PEMILIKAN TAKAFUL DAN KEFAHAMAN

Melalui ujian khi kuasa dua, dapat difahami bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman terhadap konsep dan sistem takaful dengan pemilikannya. Ini berdasarkan nilai $p = 0.00$. Walaupun tahap kefahaman masih lagi rendah, bilangan responden yang memiliki takaful dan faham adalah lebih ramai iaitu 45.7% berbanding responden yang faham di kalangan mereka yang tidak mempunyai takaful iaitu 17.1%. Ini mengesahkan hipotesis penyelidik bahawa pemilikan terhadap takaful adalah berkait rapat dengan kefahaman responden.

4.9 HUBUNGAN ANTARA PEMILIKAN TAKAFUL DAN PERSEPSI

Ujian khi kuasa dua juga digunakan untuk menilai sama ada pemilikan terhadap takaful dipengaruhi oleh persepsi terhadapnya. Hasil ujian khi kuasa dua mendapati pemilikan takaful dan persepsi terhadapnya memang mempunyai kaitan yang signifikan ($p=0.005$). Walaupun persepsi keseluruhan terhadap takaful adalah kurang baik (73.7%) tetapi persepsi yang tidak baik di kalangan mereka yang tidak mempunyai takaful adalah lebih tinggi. Ini adalah bertepatan dengan hipotesis yang telah dinyatakan terdahulu iaitu pemilikan terhadap takaful memang bergantung kepada persepsi responden.

4.10 RUMUSAN

Bab ini telah menunjukkan data sebenar yang diperolehi daripada hasil kajian penyelidikan. Secara sistematik ia telah diterangkan mengikut penilaian kaedah tertentu seperti frekuensi, min dan ujian khi kuasa dua menggunakan perisian SPSS versi 15.

BAB KELIMA:
KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan merumuskan semua hasil kajiselidik ini dan membincangkan cadangan-cadangan yang bersesuaian. Cadangan yang diberi diharap boleh menyumbangkan sesuatu yang positif untuk industri takaful dan kepada pengkaji-pengkaji lain dari segi akademik.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini memaparkan bagaimana keprihatinan masyarakat terutama golongan siswazah terhadap industri takaful yang telah lebih 20 tahun dilaksanakan di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian ini, penyelidik mendapati secara umum keprihatinan golongan siswazah terhadap sistem dan industri takaful di Malaysia masih agak rendah. Namun begitu kesedaran akan pentingnya mempunyai perlindungan kewangan agak baik. Perkara ini mungkin disebabkan suasana tempat tinggal di Kuala Lumpur yang terdedah dengan pantas terhadap sebarang maklumat dan perkembangan terkini mengenai industri kewangan dan takaful.

Dapatan kajian menunjukkan kurang separuh daripada mereka telah mempunyai takaful dan sumber maklumat utama mengenainya diperolehi daripada wakil takaful itu sendiri.

Dengan ini boleh diandaikan jumlah wakil takaful di sekitar Lembah Kelang ini masih belum mencukupi berbanding jumlah penduduknya atau jumlah wakil sebenarnya mencukupi, tetapi masih tidak agresif dalam memasarkan produk takaful. Peranan wakil banyak mempengaruhi pengetahuan masyarakat mengenai takaful.

Faktor utama penyertaan responden terhadap takaful pula ialah kerana produk yang ditawarkan mematuhi prinsip syariah. Walaupun keuntungan material dianggap menjadi trend kebanyakan masyarakat pada hari ini, responden menunjukkan bahawa faktor halal dan haram adalah lebih utama untuk memilih produk sama ada takaful atau insurans konvensional. Ini dikuatkan lagi apabila didapati faktor keuntungan menjadi faktor yang paling tidak popular apabila membuat pilihan produk tersebut.

Dalam memilih produk-produk yang ditawarkan oleh pihak takaful pula kekukuhan syarikat menjadi keutamaan berbanding faktor-faktor lain. Ini diikuti dengan bentuk pelan yang menarik dan caruman yang berpatutan. Kepercayaan kepada wakil takaful bukanlah menjadi faktor utama dalam pemilihan ini. Ini bermakna reputasi syarikat adalah amat penting berbanding reputasi agen itu sendiri.

Seperti beberapa kajian yang dilakukan oleh beberapa penyelidik lain sebelum ini, bilangan responden yang tidak mempunyai takaful adalah rendah. Dalam kajian ini beberapa faktor dikenalpasti mempengaruhi responden untuk tidak menyertai takaful. Faktor ketidakjelasan mengenai takaful didapati sebagai punca utama kebanyakan responden tidak menyertai takaful. Ini disokong dengan kenyataan bahawa wakil takaful

tidak mendekati responden yang mendapat min ketiga tertinggi. Jika dirujuk kepada responden yang mempunyai takaful pula, sumber maklumat utama yang diperolehi ialah daripada wakil takaful. Hal ini boleh dirumuskan bahawa peranan wakil takaful adalah amat penting untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai takaful, sekaligus menembusi pasaran yang masih amat luas ini.

Berkenaan dengan kefahaman responden terhadap konsep dan sistem takaful, rata-ratanya belum begitu faham. Menarik apabila didapati majoriti pemilik takaful sendiri tidak begitu faham. Ini hendaklah diberi perhatian dan kajian mengenainya perlu dilakukan. Jika ramai peserta takaful yang seperti ini, dikhuatiri akan berlaku masalah di kemudian hari terutamanya apabila ingin membuat tuntutan terhadap sesuatu bencana yang berlaku. Banyak rungutan kedengaran apabila peserta yang ingin membuat tuntutan tidak memperolehi apa yang diharapkan, lalu wakil takaful dan syarikat takaful dipersalahkan. Punca berlakunya perkara ini perlu dikaji untuk mengetahui sejauh manakah wakil atau syarikat takaful memberi maklumat yang tepat tentang produk-produk mereka.

Hasil kajian ini juga menyokong hipotesis penyelidik bahawa penyertaan terhadap takaful masih lagi rendah. Hipotesis penyelidik iaitu penyertaan seseorang terhadap takaful dipengaruhi oleh kefahamannya juga dibuktikan melalui kajian ini. Lebih ramai orang memahami konsep takaful maka lebih ramai yang akan menyertainya, sebaliknya jika ramai lagi orang yang tidak faham maka penembusan pasaran takaful akan berlaku dengan perlahan. Namun kajian ini menunjukkan ia bukanlah faktor yang utama kerana masih ramai responden yang menyertai takaful mempunyai kefahaman yang kurang baik.

Peranan persepsi terhadap takaful juga tidak kurang penting. Kebanyakan responden masih lagi mempunyai persepsi yang tidak berapa baik terhadap takaful termasuklah peserta-peserta sistem ini. Hipotesis bahawa kebanyakan responden mempunyai persepsi yang baik atau tinggi terhadap takaful nampaknya agak tersasar. Ini juga wajar dikaji mengapa peserta mempunyai persepsi sedemikian. Hasil kajian juga menunjukkan persepsi mempunyai kaitan yang signifikan dengan sambutan terhadap takaful. Penyelidik amat percaya jika persepsi masyarakat terhadap takaful dapat ditingkatkan penyertaan mereka juga akan semakin tinggi.

5.3 CADANGAN

Usaha yang berterusan dan agresif perlu dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam industri ini terutama untuk memberi kefahaman mengenai konsep dan sistem ini. Penyelidik percaya dengan kefahaman yang betul dan tepat persepsi terhadap takaful juga dapat ditingkatkan. Walaupun di kalangan peserta takaful sendiri mempunyai kefahaman dan persepsi yang masih rendah terhadapnya, penyelidik yakin jika kefahaman dan persepsi ini dapat ditingkatkan maka perkembangan industri takaful akan berlaku dengan lebih pesat lagi.

